

Anwar fail rayuan

Um: 6/7/2007

KUALA LUMPUR 5 Julai - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi semalam yang menolak saman fitnahnya terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Peguam S. N. Nair yang mewakili bekas Timbalan Perdana Menteri itu berkata, notis rayuan berkenaan difailkan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi di sini pada kira-kira pukul 11.30 pagi.

Anwar mengemukakan saman itu pada 26 Januari 2006 berkaitan kenyataan Dr. Mahathir pada satu persidangan anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) pada 9 September 2005 yang dikatakan menuduh beliau sebagai seorang homoseksual.

Dalam pernyataan pembelaannya, Dr. Mahathir bergantung pada hak keistimewaan beliau sebagai bekas Perdana Menteri dan mempunyai justifikasi mengenainya. Pada 5 Jan tahun ini, beliau mengemukakan permohonan untuk mengetepikan saman itu dengan alasan ia bersifat skandal, remeh dan menyusahkan.

Penyalahgunaan

Dalam keputusan beliau semalam, Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Tengku Maimon Tuan Mat berkata saman itu 'jelas tidak boleh diterima' serta 'jelas satu penyalahgunaan proses mahkamah' dan meluluskan permohonan Dr. Mahathir dengan kos.

Beliau membuat keputusan itu berdasarkan, antara lain, bahawa tindakan saman fitnah yang dikemukakan Anwar pada 1999 mengandungi kata-kata yang serupa dengan saman yang dikemukakan kali ini.

Dalam tindakan saman itu, Dr. Mahathir juga mengemukakan pembelaan dengan menyatakan beliau mempunyai justifikasi serta hak keistimewaan dan ini menyebabkan saman yang dikemukakan Anwar itu diketepikan Mahkamah Tinggi.

Rayuan yang dikemukakan Anwar terhadap keputusan itu telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan dan permohonan beliau untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan juga tidak diluluskan.

Ketika mengetepikan saman terbaru ini, Tengku Maimon berkata, hujah pembelaan Dr. Mahathir berkaitan justifikasi dan hak keistimewaan yang beliau miliki, diterima oleh mahkamah.

Beliau juga berkata, terdapat penemuan kehakiman bahawa Anwar sebenarnya telah mengambil bahagian dalam perbuatan homoseksual.

Penemuan ini dibuat oleh Mahkamah Tinggi di mana Anwar telah disabitkan kesalahan bagi tuduhan meliwat bekas pemandu keluarganya, Azizan Abu Bakar. Sabitan itu dikekalkan oleh Mahkamah Rayuan.

Bagaimanapun, rayuan Anwar telah dibenarkan oleh Mahkamah Persekutuan dengan keputusan majoriti.

Tengku Maimon juga membuat keputusan itu berdasarkan isu *estoppel* - sesuatu isu yang telah diputuskan sebelumnya, tidak boleh diulang bicara.

- Bernama